

NUTP gesa

wujud

030

suruhanjaya

kaji sistem

pendidikan

IPOH, Ahad – Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) hari ini menggesa kerajaan melantik Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji semula sistem pendidikan yang ia anggap sudah ketinggalan zaman dan tidak sesuai untuk negara.

Setiausaha agung NUTP, Datuk N Siva Subramaniam berkata sistem itu mempunyai banyak kecacatan dan mengandungi dasar yang tidak lagi sesuai.


“Kini wujud banyak masalah, VCD, masalah sosial, lepak dan masalah lain. Semuanya dinafikan oleh Kementerian Pendidikan lima tahun yang lalu...kini kita dapat melihat sendiri masalah itu,” katanya.

Beliau berkata, Suruhanjaya itu perlu mengkaji semula struktur pendidikan dan merumuskan cadangan mengenai cara untuk meningkatkan mutu pendidikan dan mengatasi masalah sosial pelajar.

“Rakyat tidak lagi mempunyai keyakinan terhadap dasar Kementerian Pendidikan. Mereka harus merujuk semula kepada rakyat dan dapatkan cadangan mereka,” katanya selepas menghadiri forum “Masalah Sosial di kalangan Pelajar India” anjuran NUTP di sini.

Siva Subramaniam berkata, kajian semula itu wajar dibuat kerana kali terakhir kajian seumpama itu dilakukan adalah menerusi satu kertas Kabinet pada 1970.

“Tiga puluh satu tahun adalah terlalu lama. Rakyat telah membangkitkan banyak isu tetapi kementerian tidak dapat mem-



N SIVA SUBRAMANIAM

buat perubahan. Penyelesaian mereka (kementerian) tidak lagi dapat diterima rakyat,” katanya.

Beliau berkata, semua orang kini lebih berorientasikan peperiksaan dan mereka mengagungkan keputusan USPR, SPM dan STPM tetapi tidak ramai yang memberi perhatian kepada mereka yang mendapat pencapaian rendah.

Siva Subramaniam berkata, suruhanjaya itu boleh dianggotai tokoh-tokoh akademik seperti Prof Diraja Ungku Aziz, Tan Sri Awang Had Salleh, Tan Sri Ramon Navaratnam dan wakil parti pembangkang.

Beliau berkata, sebahagian masalah sosial yang membabitkan pelajar disebabkan sukatan mata pelajaran yang sudah ketinggalan zaman, kegagalan pegawai pendidikan untuk memantau perkara yang berlaku di sekolah dan pengetua menyembunyikan fakta daripada kementerian. – Bernama.